

## **PERANCANGAN RAPI DALAM *SILIR DAKSINA* DARI PERSPEKTIF PENDEKATAN PENGURUSAN**

*(IMMACULATE PLANNING IN “SILIR DAKSINA”  
BASED ON THE MANAGEMENT APPROACH)*

**Mohamad Zuber Ismail**  
zuber77@iium.edu.my

Kulliyyah Bahasa dan Pengurusan  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak, Malaysia

**Akhmal Hakim Mohamad**  
akhmalhakimmohamad@gmail.com

Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

**Arina Johari**  
arinajr@iium.edu.my

Kulliyyah Bahasa dan Pengurusan  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak, Malaysia

Received: 29th July 2021; Accepted: 10th May 2022; Published: 29th October 2022

### ***Abstract***

*This study analyses a literary work using the Management Approach by Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013). There are five principles under the approach: planning, leadership, organising, staffing, and control. This paper focuses on the planning principle, which was based on the Planning Dimension Model by Sara Beden (2018). It involves factors such as setting objectives and formulating strategies. The principle was applied to the novel “Silir Daksina” by Nizar Parman, which is included in the syllabus of the Literature Component (KOMSAS) under the Ministry of Education (MOE) Malaysia for Sijil Persekolahan Malaysia (SPM) students in Sarawak. Literary research and text analysis were used to achieve the study’s primary objectives of identifying and analysing the planning principle in the text. Results proved that “Silir Daksina” is highly inclined towards the application of the principle based on the Planning Dimension Model. The planning principles found in this novel are significant, relevant and appropriate to be applied in literary material vis-à-vis the Management Approach. The study proves that this novel can shape and nurture attitudes and identities, especially in terms of good management in the minds of the young today. Thus, the analysis of a novel on the perseverance and resilience of youth using the new approach in the field of literary*

*criticism in Malaysia is deserving and relevant to be highlighted. In turn, the study hopes to make a small contribution to the world of literary criticism and education in Malaysia.*

**Keywords:** *management approach, planning principle, planning dimension model, Silir Daksina novel, KOMSAS*

### **Abstrak**

Kajian ini menekuni sebuah karya sastera menggunakan satu pendekatan yang telah diketengahkan dalam dunia kritikan sastera tanah air, iaitu Pendekatan Pengurusan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013). Terdapat lima prinsip bawah Pendekatan Pengurusan, iaitu Perancangan, Kepimpinan, Pengorganisasian, Penstafan dan Kawalan. Kajian ini memfokuskan prinsip pertama, iaitu Prinsip Perancangan. Prinsip Perancangan ini dianalisis berdasarkan Model Dimensi Perancangan yang diperkenalkan oleh Sara Beden (2018), iaitu (i) menetapkan objektif, (ii) membentuk strategi (iii) kajian semula strategi (iv) memilih strategi dan, (v) pencapaian objektif. Prinsip Perancangan ini diterapkan dalam novel *Silir Daksina* (2015) hasil karya Nizar Parman yang telah diangkat dalam sukatan pelajaran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bawah Komponen Sastera (KOMSAS) bagi pelajar Sijil Persekolahan Malaysia (SPM) untuk Zon Sarawak. Kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks diaplikasikan bagi mencapai objektif utama kajian, iaitu mengenal pasti dan menganalisis Prinsip Perancangan yang terdapat dalam teks tersebut. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa *Silir Daksina* memperlihatkan kecenderungan yang tinggi dalam pengaplikasian prinsip perancangan berdasarkan Model Dimensi Perancangan. Prinsip Perancangan yang terdapat dalam novel ini amat signifikan, relevan dan bertepatan untuk diaplikasikan dalam bahan sastera menggunakan Pendekatan Pengurusan. Kajian ini jelas membuktikan bahawa karya sastera ini mampu membentuk dan menyemai satu sikap dan jati diri khususnya dalam aspek pengurusan yang baik dalam kalangan jiwa generasi muda hari ini. Impaknya, novel yang bertemakan kegigihan dan kecekalan anak muda ini yang diterapkan menggunakan satu pendekatan baharu dalam dunia kritikan sastera di Malaysia adalah sesuatu yang wajar dan relevan untuk diketengahkan dan seterusnya dapat memberikan satu sumbangan yang kecil dalam dunia kritikan sastera tanah air dan pendidikan di Malaysia.

**Kata Kunci:** Pendekatan pengurusan, prinsip perancangan, model dimensi perancangan, novel, Silir Daksina, KOMSAS

### **Pengenalan**

Perancangan merupakan satu entiti yang sangat penting untuk merealisasikan matlamat sesuatu pemikiran dan tindakan. Perancangan memerlukan pemikiran yang mendalam yang di dalamnya terangkum daya kreativiti, imaginasi dan pengamatan yang difikirkan dan dilantunkan oleh watak untuk merealisasikan objektif yang telah dibentuk. Azman Che Omar (2003, p. 77), mentakrifkan perancangan sebagai satu proses menentukan objektif yang dikehendaki dan seterusnya membina strategi-strategi tindakan yang sesuai serta terbaik dengan mengambil kira

faktor-faktor dalaman organisasi dan persekitaran luaran yang akan mempengaruhi sesebuah organisasi untuk mencapai objektif tersebut. Pandangan ini juga selari dengan takrifan yang diketengahkan oleh Harold Koontz & Heinz Weihrich (1997, p. 4), iaitu pengurusan merupakan proses merancang dan memelihara persekitaran apabila individu, bekerjasama dalam kumpulan, mencapai matlamat terpilih dengan berkesan. Seterusnya, perancangan merupakan penentuan tentang perkara yang hendak dilakukan, kaedah pelaksanaannya dan pihak yang akan menjadi pelaksana (Jaafar Muhamad, 1999, p. 39).

Hasil garapan idea dan kompilasi takrifan yang diketengahkan telah melahirkan dan mencetuskan satu idea dan pemikiran baharu oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013) yang telah memperkenalkan satu pendekatan baharu dalam dunia kritikan sastera tanah air, iaitu Pendekatan Pengurusan. Menurut Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013), pendekatan ini mengandungi rumusan dan formula yang berupa prinsip-prinsip pengurusan yang dapat diaplikasikan dalam karya sastera tradisional atau teks moden. Perkara ini jelas dibuktikan melalui pengaplikasian Pendekatan Pengurusan dalam karya-karya moden bawah Komponen Kesusasteraan (KOMSAS) dalam Sukatan Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan. Hal ini dapat ditelusuri melalui penerapan prinsip-prinsip pengurusan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2016) menerusi novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur* (1982) karya Keris Mas, cerpen *Sebuah Khemah Didirikan* (1962) oleh Usman Awang, novel *Haruman Kencana* (2004) karya Zaharah Nawawi dan *Di Sebalik Sirat Makna* (2012) karya Abang Median Abang Said. Impaknya, teks-teks yang diangkat dalam sukatan Kementerian Pendidikan Malaysia bawah KOMSAS tersebut telah jelas memperlihatkan kecenderungan yang tinggi dalam pengaplikasian Pendekatan Pengurusan.

Pusat Perkembangan Kurikulum (2003) menyatakan bahawa melalui KOMSAS, minat dan keseronokan membaca, serta penghayatan terhadap bahan sastera dapat dipupuk dalam kalangan pelajar tingkatan satu sehingga tingkatan lima. Memandangkan pembelajaran bahasa Melayu menitikberatkan kepada kemahiran berbahasa serta aplikasinya dalam kehidupan, KOMSAS merupakan bahagian lain pembelajaran bahasa yang bukan sahaja mengetengahkan pembelajaran kemahiran berbahasa, malah memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan kemahiran tersebut. Di samping itu, KOMSAS juga merupakan satu pelantar kepada pelajar untuk melakukan apresiasi sastera (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003). Hal ini amat bertepatan dan signifikan dengan usaha yang diketengahkan untuk mengangkat kembali warisan seni sastera Melayu dalam persada pendidikan tanah air.

Secara umumnya kajian ini akan menjelaskan secara rinci idea-idea dan pemikiran dalam pencapaian sesuatu objektif menggunakan prinsip perancangan bawah Pendekatan Pengurusan yang diketengahkan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis dimensi-dimensi perancangan dalam novel *Silir Daksina* (2015) menggunakan Model Dimensi Perancangan.

## **Sorotan Kajian**

Mohamad Mokhtar Abu Hassan telah mengetengahkan Pendekatan Pengurusan dalam pembentangan kertas kerja yang bertajuk “Pendekatan Pengurusan: Satu Metode dalam Kritikan Sastera” menerusi syarahan perdana yang dianjurkan oleh Akademi Pengajian Melayu (APM),

Universiti Malaya bertempat di Dewan Semarak, APM telah berlangsung pada 4 Ogos 2016. Menerusi syarahan perdana ini Mohamad Mokhtar Abu Hassan telah menjelaskan kepentingan untuk mengetengahkan satu pendekatan baharu dalam dunia kritikan sastera dan berkongsi idea serta kajian yang telah beliau lakukan terhadap genre sastera tradisional dan moden dengan mengaplikasikan prinsip-prinsip pengurusan semenjak tahun 2013. Syarahan perdana ini merupakan satu usaha dan alternatif beliau sebagai satu platform dan medium untuk mengetengahkan pendekatan pengurusan ini kepada para ilmuwan dan sarjana sastera.

Kajian Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013), dalam kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Bahasa dan Kekuasaan Melayu di Universiti Perguruan Sultan Idris, bertajuk "*Pendekatan Pengurusan: Satu Metode dalam Kritikan Sastera*" telah meneliti cerita-cerita rakyat berdasarkan Pendekatan Pengurusan. Kajian ini mengkaji Pendekatan Pengurusan berlandaskan Prinsip Perancangan dengan membataskan perbincangan berdasarkan dua buah cerita rakyat, iaitu "*Sang Kancil dan Buaya*" dan "*Lebai Malang*". Kertas kerja yang sama turut mengupas persoalan pengurusan dalam cerpen yang bertajuk "*Di Sebalik Tirai Makna*", hasil karya Awang Said Mokhtar. Kajian tersebut mengetengahkan Pendekatan Pengurusan berdasarkan Prinsip Pengorganisasian dan Prinsip Penstafan.

Sambutan terhadap kajian Pendekatan Pengurusan mula mendapat perhatian menerusi kajian-kajian yang telah dilaksanakan. Antara pengkaji yang menerapkan Pendekatan Pengurusan dalam kajian ialah Mohamad Zuber Ismail et al. (2014), dalam kertas kerja yang bertajuk "*Prinsip Perancangan: Penelitian berdasarkan Cerita-cerita Rakyat*" yang telah diterbitkan dalam prosiding *International Conference in Commemoration of the 50th Anniversary of the Department of Malay-Indonesian Studies, Hankuk University of Foreign Studies*. Berdasarkan kajian tersebut, Mohamad Zuber Ismail et al. (2014) menganalisis *Koleksi 366 Cerita Rakyat Melayu* hasil karya Othman Puteh dan Aripin Said. Seterusnya, kajian yang mengaplikasikan Pendekatan Pengurusan diteruskan lagi oleh Mohamad Zuber Ismail, Mohamad Mokhtar Abu Hassan, et al. (2015) dalam kajian bertajuk "*Keintelektualan Pemikiran Melayu dalam Cerita Lipur Lara: Penelitian Awal berdasarkan Perspektif Pendekatan Pengurusan*" yang turut memperlihatkan pengaplikasian Prinsip Kepimpinan dan Prinsip Perancangan.

Berikutnya, kajian mengenai Pendekatan Pengurusan ditelah diterbitkan dalam *Journal of Malay Studies (JOMAS)* oleh Mohamad Zuber Ismail et al. (2015) yang bertajuk "*Hikayat Awang Sulung Merah Muda dari Perspektif Pendekatan Pengurusan*". Kajian tersebut menggunakan Pendekatan Pengurusan dengan memberi fokus terhadap Prinsip Kepimpinan. Kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks merupakan dua kaedah yang diaplikasikan dalam kajian ini. Objektif utama kajian tersebut adalah untuk menganalisis Prinsip Kepimpinan yang digunakan dalam *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*. Hasil analisis memperlihatkan Prinsip Kepimpinan dalam hikayat tersebut amat dominan dan signifikan dalam menggambarkan pengurusan kepimpinan bertitik tolak daripada analisis terhadap struktur karya. Pengurusan kepimpinan tersebut menyerlah daripada dasar dan mekanisme pentadbiran yang berwawasan dan berpandangan jauh, berjiwa rakyat, kebijaksanaan dan kesantunan berkomunikasi serta bersemangat waja. Secara kesimpulannya, Prinsip Kepimpinan yang dipaparkan dalam *Hikayat Awang Sulung Merah Muda* dapat mengangkat aspek pengurusan dalam teks karya sastera tradisional sejak zaman tradisi lisan.

Mohamad Zuber Ismail & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2016) menerusi kajian terbitan *JOMAS* telah mengemukakan satu pandangan baharu dalam dunia pengkajian kesusasteraan yang rentas disiplin dengan ilmu pengurusan moden yang terdapat dalam cerita lipur lara Melayu, iaitu “Dimensi Perancangan dalam *Hikayat Malim Dewa: Kajian Pendekatan Pengurusan*”. Prinsip Perancangan ini dianalisis berdasarkan dimensi-dimensi perancangan, iaitu dimensi menetapkan objektif, dimensi membentuk strategi, dimensi pilihan alternatif, dimensi menilai langkah-langkah alternatif, dimensi memilih satu cara dan dimensi kajian semula ke arah merealisasikan objektif yang disasarkan. Hasil analisis memperlihatkan Prinsip Perancangan dalam *Hikayat Malim Dewa* signifikan menggambarkan perancangan bijak pemimpin yang meneraju negara demi merealisasikan objektif yang disasarkan bertitik tolak daripada analisis terhadap struktur karya. Pengurusan perancangan menyerlah daripada keberkesanan dimensi-dimensi perancangan yang diaplikasikan watak dan ternyata prinsip tersebut memperlihatkan kesignifikan sebagai landasan kajian. Kajian telah membuktikan bahawa Prinsip Perancangan merupakan satu indikator penting dalam mengangkat kebijaksanaan pemikiran pemimpin. Secara kesimpulannya, Prinsip Perancangan yang dipaparkan dalam *Hikayat Malim Dewa* memperlihatkan kecenderungan yang tinggi dalam memperlihatkan satu ciri penting aspek pengurusan dalam teks karya sastera tradisional

Sara Beden (2018) menerusi kajian terbitan jurnal *Malay Literature* bertajuk “*Perancangan Bestari Dalam Hikayat Khoja Maimun: Aplikasi Prinsip Perancangan Dalam Pendekatan Pengurusan*” telah menganalisis strategi penyelesaian masalah yang berhubung dengan isu moral dalam prosa tradisional *Hikayat Khoja Maimun*. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan Pendekatan Pengurusan memfokuskan prinsip perancangan. Dapatan menjelaskan bahawa Bayan, iaitu watak utama dalam hikayat ini telah berjaya menyelesaikan misinya, iaitu menghalang Bibi Zainab daripada berlaku curang terhadap suaminya, Bayan telah berhasil membentuk strategi-strategi seperti pujian dan sokongan, teknik analogi peribadi, bercerita atau berhikayat, pertanyaan, membuat kritikan dan sokongan, menarik perhatian dan memberikan nasihat. Kombinasi strategi perancangan dalam menyelesaikan konflik yang pelbagai dalam kajian ini telah memperlihatkan pemikiran watak utama yang kritis dan kreatif dalam menyelesaikan sesuatu isu.

Saravanan P. Veeramuthu (2019) melalui kajiannya dalam *Asian People Multidisciplinary Social Sciences Journal* yang bertajuk, “Kepemimpinan dalam Novel *Perang Sangkil: Satu Bacaan Pendekatan Pengurusan*” menggunakan Pendekatan Pengurusan yang diterapkan dalam novel *Perang Sangkil* (2007) dengan memberi tumpuan kepada Prinsip Kepimpinan bawah Dimensi Pentadbiran. Hasil dapatan menunjukkan bahawa, ciri kepimpinan Dirik yang kental, berkarisma, bijak dan berwawasan demi melindungi keselamatan masyarakat Orang Asli jelas memaparkan dimensi pentadbiran yang sangat cekap dan sistematik. Seluruh masyarakat Orang Asli berasa amat terancam dengan peperangan yang berlaku, namun teknik kepemimpinan yang matang daripada pemimpin dan ketahanan mental yang kuat telah membuktikan bahawa mereka berjaya menepis cabaran serangan yang dahulunya telah menghancurkan masa depan Orang Asli pada era 1870-an.

Akhmal Hakim Mohamad (2019) dalam kajiannya yang bertajuk, “Perancangan dalam novel *Mengukir Larut* berdasarkan Pendekatan Pengurusan” menganalisis peristiwa-peristiwa terpilih yang memperlihatkan kehadiran Prinsip Perancangan. Analisis dapatan kajian

membuktikan bahawa novel *Mengukir Larut* (2016) menonjolkan penggunaan Prinsip Perancangan secara dominan berdasarkan peristiwa-peristiwa yang dikaji. Penganalisan berdasarkan peringkat-peringkat yang telah diketengahkan bawah Prinsip Perancangan juga memperlihatkan kecenderungan yang tinggi dalam pengaplikasiannya.

Pendekatan Pengurusan menuntut kemahiran daya fikir, kreativiti dan integriti yang tinggi dalam merealisasikan sesebuah matlamat individu dan organisasi. Berdasarkan kajian-kajian lepas yang dibincangkan, didapati bahawa korpus kajian bagi penelitian berdasarkan Pendekatan Pengurusan adalah lebih tertumpu kepada korpus bercorak cerita-cerita rakyat, sejarah dan hikayat. Justeru, penggunaan korpus kajian yang bergenre moden dan fiksyen kurang mendapat perhatian pengkaji sastera. Oleh itu, bagi membuktikan kerelevanan pengaplikasian Pendekatan Pengurusan, maka novel KOMSAS kontemporari dengan jalan cerita yang moden, iaitu *Silir Daksina* (2015) dipilih sebagai korpus kajian.

Tambahan pula, berpandukan kajian oleh Sara Beden (2018), didapati bahawa penstrukturan semula terhadap dimensi dalam Prinsip Perancangan mempermudah pemahaman dan analisis korpus menggunakan pendekatan tersebut. Hal ini dibuktikan melalui pembentukan semula pendekatan tersebut menjadi Model Dimensi Perancangan (MDP). Berdasarkan MDP, telah dibuktikan bahawa pendekatan pengurusan memerlukan daya usaha dan pemikiran yang tinggi untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan dan isu yang timbul dengan menggunakan idea-idea dan strategi yang bijak, relevan, sistematik dan efisien dalam penyempurnaan matlamat yang disasarkan. Oleh itu, bagi menganalisis kajian, MDP akan diaplikasikan bagi memugar peristiwa perancangan yang terkandung dalam novel *Silir Daksina* (2015).

## **Metodologi Kajian**


Makalah ini telah menerapkan kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks. Melalui penelitian teks tersebut, proses pembacaan secara rinci telah dilakukan bagi mengenal pasti struktur yang bertepatan dengan Model Dimensi Perancangan oleh Sara Beden 2018 bawah Prinsip Perancangan. Kupasan terhadap korpus kajian memberi fokus terhadap struktur teks. Seterusnya, penghuraian terhadap data dikupas dan dianalisis berpandukan isi kandungan teks.

Kajian ini meneliti novel *Silir Daksina* (2015) dengan memugar keseluruhan isi kandungan yang memperlihatkan kehadiran Prinsip Perancangan. Makalah ini memfokuskan Prinsip Perancangan, iaitu prinsip pertama dalam Pendekatan Pengurusan. Prinsip Perancangan ini dianalisis berdasarkan Model Prinsip Perancangan, iaitu (i) menetapkan objektif, (ii) membentuk strategi (iii) kajian semula strategi (iv) memilih strategi dan, (v) pencapaian objektif. Oleh itu, dalam bahagian yang seterusnya, dihuraikan mengenai Pendekatan Pengurusan dan Model Dimensi Perancangan untuk pemahaman mengenai kerangka teoretis yang menjadi tunjang kajian.

## **Pendekatan Pengurusan**


Pendekatan Pengurusan mengandungi lima prinsip, iaitu perancangan, kepimpinan, pengorganisasian, penstafan dan kawalan (Mohamad Mokhtar Abu Hassan, 2013). Prinsip-

prinsip tersebut diklasifikasikan melalui beberapa dimensi dan peringkat tertentu untuk pengaplikasian bahan sastera. Pendekatan ini dirumuskan dalam Rajah 1 yang berikut:



Rajah 1: Pendekatan Pengurusan (2013)

Oleh itu, bagi tujuan analisis, kajian akan memfokuskan kepada satu prinsip sahaja, iaitu prinsip perancangan. Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2016, p. 8) menyatakan bahawa pengaplikasian bahan sastera prinsip perancangan dapat diteliti berdasarkan peringkat-peringkat perancangan, iaitu (i) Menetapkan objektif, (ii) Membentuk strategi, (iii) Pilihan alternatif, (iv) Menilai langkah-langkah alternatif, (v) Memilih satu cara dan (vi) Kajian semula. Peringkat-peringkat perancangan ini merupakan satu entiti yang sangat penting untuk merealisasikan matlamat sesuatu pemikiran dan tindakan. Perincian bagi Prinsip Perancangan diteliti berdasarkan peringkat-peringkat perancangan seperti dalam Rajah 2 yang berikut, iaitu:



Rajah 2: Peringkat-Peringkat Perancangan

Peringkat-peringkat perancangan tersebut merupakan kayu pengukur yang digunakan untuk meneliti pemikiran-pemikiran watak dalam sesebuah organisasi untuk mencapai matlamat dan visi yang disasarkan. Pengaplikasian peringkat-peringkat perancangan ini amat signifikan dan relevan untuk memperjelas kreativiti, kredibiliti dan integriti watak dalam melakukan proses transmisi pemikiran dan tindakan daripada satu peringkat ke satu peringkat dalam memenuhi objektif yang ditetapkan. Aplikasi peringkat-peringkat perancangan amat signifikan dan efisien dalam meneliti, menguji dan menganalisis teks-teks kajian berdasarkan Prinsip Perancangan bawah Pendekatan Pengurusan ini. Walau bagaimanapun, perancangan sahaja tidak memadai sekiranya tidak disusuli dengan strategi-strategi yang bijak untuk mencapai objektif. Oleh itu, perancangan merupakan satu mekanisme penting yang harus ada untuk memastikan matlamat yang dibentuk boleh dicapai bertitik tolak daripada usaha dan tindakan yang diambil untuk mencapai objektif yang telah direncanakan.


### **Model Dimensi Perancangan**

Analisis dalam makalah ini dilaksanakan melalui pengaplikasian Model Dimensi Perancangan oleh Sara Beden (2018). MDP baharu ini telah melalui proses pengekalan, penggabungan dan penambahan peringkat-peringkat perancangan yang telah diperkenalkan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013) bawah Prinsip Perancangan. Sara Beden (2018, p. 77) menjelaskan dan memperincikan bahawa model baharu tersebut terbentuk daripada tiga proses, iaitu pengekalan, penggabungan dan penambahan berpandukan enam dimensi dalam prinsip perancangan. Dimensi 1 dan Dimensi 2 dalam model tersebut dikekalkan atas faktor kedua-duanya adalah wajib. Hal ini bertujuan memastikan perancangan menjadi lebih sistematik. Kedua-dua dimensi tersebut



menuntut berlakunya proses berfikir aras tinggi dalam diri individu bagi menetapkan objektif dan membentuk strategi penyelesaian masalah berdasarkan isu yang wujud.

Walau bagaimanapun, melalui proses penggabungan, Dimensi 3, Dimensi 4 dan Dimensi 6 telah digabungkan menjadi Dimensi 3 sahaja. Penggabungan tersebut dilaksanakan setelah meneliti faktor bahawa ketiga-tiga dimensi tersebut sinonim dan relevan dikombinasikan agar tidak berlaku pertindihan dari segi pengaplikasian dimensi. Tambahan pula, kedudukan Dimensi 6, iaitu kajian semula adalah kurang relevan dan lebih wajar diletakkan dalam Dimensi 3 agar Dimensi 2 dapat dikaji keberkesanannya. Bagi Dimensi 5 pula, masih dikekalkan, namun kedudukannya diubah menjadi Dimensi 4, iaitu memilih strategi dalam MDP. Dimensi 5 telah ditambah dalam MDP bertujuan untuk menilai Dimensi 1, 2, 3 dan 4, dan memastikan strategi perancangan dapat mencapai objektif. MDP yang terbentuk hasil daripada tiga proses tersebut dipaparkan dalam Rajah 3.



Rajah 3: Model Dimensi Perancangan (Diadaptasi daripada Sara Beden, 2018, p. 78)

Sara Beden (2018, p. 78) menjelaskan bahawa perancangan harus bermula dengan Dimensi 1, iaitu menetapkan objektif atau tujuan yang hendak dicapai untuk menyelesaikan sesuatu isu atau masalah dengan andaian sesuatu isu memang wujud. Kemudian perancangan tersebut diteruskan dengan Dimensi 2, iaitu pembentukan strategi yang diaplikasikan untuk menyelesaikan masalah yang wujud. Seterusnya, Dimensi 3 merupakan proses mengkaji semula strategi yang telah dibentuk dan diaplikasikan dalam Dimensi 2. Penilaian semula strategi yang telah dibentuk dilaksanakan bagi memastikan sama ada strategi tersebut berkesan atau sebaliknya. Jika strategi tersebut berkesan, maka akan digunakan dan diperkukuh untuk menyelesaikan isu, selain mencapai objektif yang telah ditetapkan dalam Dimensi 1. Jika strategi dalam Dimensi 2 yang telah dikaji semula dalam Dimensi 3 tersebut adalah relevan, maka strategi tersebut akan dipilih kerana kerelevanan dalam perancangan untuk menyelesaikan masalah. Akhir sekali, Dimensi 5, iaitu pencapaian objektif ditambah dalam MDP supaya penilaian dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik.

Oleh itu, peristiwa perancangan yang dianalisis dalam kajian ini menggunakan MDP seperti yang telah diperkenalkan oleh Sara Beden (2018) bertitik tolak daripada pengubahsuaian terhadap Prinsip Perancangan dalam Pendekatan Pengurusan (Mohamad Mokhtar Abu Hassan, 2013) bagi menghuraikan perancangan rapi dalam novel *Silir Daksina* (2015).

## Bahan Kajian

Novel *Silir Daksina* merupakan novel pertama nukilan Md Nizar Parman atau nama penanya Nizar Parman dan telah diterbitkan oleh Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. pada tahun 2015. Penulisan yang prolifik dan tema yang digarap telah menyebabkan novel ini diangkat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi subjek Bahasa Melayu bawah Komponen Sastera (KOMSAS) untuk Sijil Pelajaran Malaysia bagi Zon Sarawak. Novel yang merupakan hasil cetusan idea dan ilham pertama Nizar Parman ini telah memenangi tempat kedua kategori novel remaja Hadiah Sastera Kumpulan Utusan – Exxon Mobil pada tahun 2009.

Novel *Silir Daksina* dipilih sebagai korpus kajian kerana memaparkan kecenderungan yang tinggi dalam pengaplikasian prinsip perancangan. Perkara ini dibuktikan melalui jalan cerita novel yang mengandungi peristiwa-peristiwa penyelesaian masalah dan konflik yang dihadapi oleh watak dalam novel tersebut. Berdasarkan peristiwa-peristiwa tersebut, watak-watak dilihat telah melaksanakan penyelesaian masalah dan konflik yang dihadapi dengan strategi yang telah dirancang. Oleh itu, pemilihan *Silir Daksina* sebagai korpus kajian adalah bagi menilai keberkesanan strategi yang diambil melalui perancangan yang dianalisis berdasarkan MDP.

## Pengklasifikasian Data Kajian

Bagi menganalisis perancangan bestari yang terkandung dalam novel *Silir Daksina*, kajian ini akan memfokuskan kepada data yang melibatkan watak utama, iaitu Haiqal Hakimi dan watak sampingan, iaitu Tauke Ong (Tauke Lim). Data tersebut dipilih berdasarkan kehadiran prinsip perancangan dan telah diklasifikasikan sebagai peristiwa perancangan. Peristiwa perancangan yang dipilih menepati dimensi perancangan 1 sehingga 4. Jadual 1 yang berikut memaparkan klasifikasi peristiwa perancangan dalam novel *Silir Daksina*, iaitu:

Jadual 1: Klasifikasi Peristiwa Perancangan dalam Novel *Silir Daksina*

Peristiwa Perancangan (PP)	Tajuk Peristiwa
PP 1	Peristiwa Perancangan Haiqal Menjejak Kampung Ayahnya.
PP 2	Peristiwa Perancangan Haiqal Menganjurkan Persembahan Tarian Zapin Jincat di Kampung Seri Purnama.
PP 3	Peristiwa Perancangan Tauke Lim (Tauke Ong) Mencari Nafkah ketika Memulakan Hidup Baharu di Johor.

## Analisis Perancangan Rapi dalam Novel *Silir Daksina*

Berdasarkan Jadual 1, terdapat tiga peristiwa perancangan yang telah dikenal pasti mengandungi prinsip-prinsip perancangan. Peristiwa perancangan tersebut ialah PP1, PP2 dan PP3. Analisis bagi setiap peristiwa perancangan adalah seperti yang berikut:

### PP 1 – Peristiwa Perancangan Haiqal Hendak Menjejak Kampung Ayahnya

Berdasarkan PP 1, Haiqal telah membuat perancangan rapi bagi menjejaki asal usul dan mengenal keperibadian ayah kandungnya, iaitu Abdullah bin Kayan. Perancangan rapi yang diaplikasikan oleh Haiqal digambarkan menerusi Jadual 2 yang berikut:

Jadual 2: Perancangan Rapi dalam PP 1

Dimensi Perancangan	Peristiwa Perancangan
Dimensi 1: <b>Menetapkan Objektif</b>	Haiqal bertekad untuk menjejaki asal usul dan menekuni keperibadian ayah kandung akibat perceraian yang berlaku dalam keluarganya.
Dimensi 2: <b>Membentuk Strategi</b>	<i>Menghayati manuskrip</i> yang telah ditulis oleh ayahnya berulang-ulang kali. <i>Mendapatkan pandangan</i> daripada kawan baiknya, iaitu Ratna tentang niatnya untuk pergi ke Johor. <i>Mendapatkan persetujuan dan restu</i> daripada umi dan walid tentang hasrat dan keinginannya untuk ke Johor. <i>Menggunakan teknik pemujukan</i> kepada ibu dan walidnya agar dapat meyakinkan mereka dan <i>memberikan kebenaran</i> kepada Haiqal untuk ke Johor. Memperkuh teknik pemujukan dengan <i>teknik imbas kembali</i> peristiwa yang berlaku antara ibu dan ayahnya. Teknik ini didapati memperlihatkan kebijaksanaan Haiqal memainkan emosi dan perasaan ibunya.
Dimensi 3: <b>Kajian Semula Strategi</b>	Haiqal mendapati bahawa strategi menghayati manuskrip, mendapatkan pandangan dan nasihat daripada kawan baik, mendapatkan persetujuan umi dan walid, menggunakan teknik pemujukan dan teknik imbas kembali yang diaplikasikannya berkesan kerana telah membuatkan ibunya berasa bersalah lalu membenarkannya pergi ke Johor.
Dimensi 4: <b>Memilih Strategi</b>	S1 – Menghayati manuskrip. S2 – Mendapatkan pandangan dan nasihat daripada kawan baik. S3 – Mendapatkan persetujuan umi dan walid.

---

	S4 – Menggunakan teknik pemujukan.
	S5 – Menggunakan teknik imbas kembali.
Dimensi 5:	Haiqal berjaya mencapai objektif.

---

**Pencapaian Objektif**

---

Berdasarkan Dimensi 1, watak Haiqal telah menetapkan objektifnya, iaitu bertekad untuk menjejaki asal usul dan menekuni keperibadian ayah kandung akibat perceraian yang berlaku dalam keluarganya. Usaha Haiqal untuk ke Johor adalah sesuatu yang yang mencabar kerana memerlukan dirinya bersedia dalam aspek mental, fizikal dan kewangan. Oleh itu, bagi mencapai objektif, Haiqal telah membentuk lima strategi, iaitu (i) S1 – Menghayati manuskrip, (ii) S2 – Mendapatkan pandangan kawan baik, (iii) S3 – Mendapatkan persetujuan umi dan walid, (iv) S4 – Menggunakan teknik pemujukan dan (v) S5 – Menggunakan teknik imbas kembali.

Strategi pertama, iaitu *menghayati manuskrip (S1)* telah dipilih oleh Haiqal sebagai langkah pertama mencapai objektifnya. Penghayatan terhadap manuskrip yang telah dikarang oleh ayahnya adalah penting kerana dalam manuskrip tersebut mengandungi kisah hidup, perwatakan, ketokohan dan kepimpinan ayah kandungnya. Dalam manuskrip tersebut, ayahnya telah menggambarkan kesunyian dan kesedihan yang terpaksa dialami tanpa kehadiran Haiqal. Ayahnya turut menceritakan tentang punca perceraian yang berlaku dalam rumah tangganya. Di samping itu, manuskrip itu juga menceritakan tentang kampung asal ayahnya dan beberapa orang penting di kampung tersebut. Walau bagaimanapun, ayah Haiqal telah menggunakan nama watak yang berlainan dengan orang sebenar dan hal ini menyukarkan Haiqal untuk mengenal pasti orang tersebut. Sebagai contoh, nama ayahnya, iaitu Abdullah bin Kayan telah digantikan dengan nama Amirul Nizam. Oleh itu, penghayatan terhadap manuskrip telah dilakukan oleh Haiqal dengan membaca manuskrip tersebut berulang-ulang kali. Tujuan utama Haiqal membacanya berulang-ulang kali adalah supaya dirinya tahu dan dapat menyelami secara terperinci tentang perwatakan ayah kandung, kisah-kisah dan orang-orang penting yang berada di kampung tersebut. Peristiwa Haiqal membentuk strategi dengan membaca manuskrip ayahnya adalah seperti dalam petikan yang berikut:

Cuma, sekarang ni aku sedang menghayati manuskrip ayah aku, Ratna. Rasanya seperti ada sesuatu yang hendak diungkapkan olehnya,” jelas Haiqal.

(*Silir Daksina*, 2015, p. 13)

Setelah menghayati manuskrip tersebut, Haiqal telah membentuk strategi kedua, iaitu *mendapatkan pandangan dan nasihat daripada kawan baiknya (S2)* yang bernama Ratna. Hal ini kerana menurut Haiqal, Ratna sahajalah yang memahami dirinya dan merupakan kawan yang paling dipercayainya. Berdasarkan S2, Haiqal meminta pandangan daripada Ratna tentang keinginannya untuk ke Johor. Setelah memaklumkan kepada Ratna akan keinginannya tersebut, Ratna menyatakan bahawa dirinya tidak menghalangi niat Haiqal untuk ke Johor. Bahkan, Ratna telah menasihati Haiqal supaya memaklumkan keinginannya untuk ke Johor kepada umi dan walidnya. Di samping itu, Ratna juga menasihati Haiqal supaya tidak terlalu mengikut perasaan apabila bercakap dengan uminya. Peristiwa Haiqal mendapatkan pandangan daripada Ratna berserta nasihat Ratna kepada Haiqal dapat ditelusuri dalam petikan berikut:

Kepada Ratna pula, turut diluahkan keinginan hatinya yang memuncak itu. Ketika itu, dia percaya hanya Ratna yang akan memahaminya. “Kalau itu yang boleh membuatkan kau berasa tenang dan bahagia, kau pergilah, Qal.

*(Silir Daksina, 2015, p. 114 - 115)*

“Aku harap kau akan hadapi semua ini dengan tabah, Qal. Aku tahu kau kuat. Tiada sesiapa yang boleh menghalang keinginan engkau ketika ini. Jangan terlalu mengikutkan perasaan apabila bercakap dengan umi nanti,” pesan Ratna.

*(Silir Daksina, 2015, p. 118 - 119)*

Berikutnya, setelah *mendapatkan pandangan dan nasihat (S2)* daripada Ratna, Haiqal meneruskan strateginya dengan *mendapatkan persetujuan daripada umi dan walid (S3)*. Strategi ini telah dilakukan oleh Haiqal setelah mendapatkan pandangan dan nasihat daripada Ratna. Selain itu, strategi tersebut adalah penting kerana sebagai seorang anak yang masih lagi berada bawah tanggungan ibu bapa, Haiqal mestilah mendapatkan persetujuan daripada umi dan walid. Berdasarkan strategi tersebut, secara tidak langsung membuktikan bahawa Haiqal amat mempercayai Ratna dan mengikuti nasihat-nasihat yang telah diberikan serta Haiqal merupakan anak yang baik. Strategi ketiga tersebut dilaksanakan oleh Haiqal setelah peristiwa dirinya berjumpa dengan Ratna. Walau bagaimanapun, strategi mendapatkan persetujuan umi dan walid menemui jalan buntu apabila umi tidak memersetujui akan keinginan Haiqal untuk ke kampung ayahnya. Peristiwa ini digambarkan seperti yang berikut:

“Err ... along nak ke Johor malam esok,” jelas Haiqal kepada uminya. Kemudian, dia menundukkan wajahnya.

Tentu sahaja perkara itu mengejutkan uminya. “Ke Johor? Along nak buat apa? Bukan ada apa-apa di sana!” kata umi dengan suara yang agak tinggi. Ia seperti sudah dijangka.

“Along nak pergi ke kampung arwah ayah.”

“Ke tempat ayah? Apa yang merasuk fikiran along ni? Cakap dengan umi, tidak cukupkah apa yang umi berikan kepada along selama ini? Tidak cukupkah?” jerkah uminya. Biji matanya terjegal. Wajahnya merah padam. Dadanya turun naik.

“Along, ayah along dah tujuh tahun meninggal. Harapan apa lagi? Dah, lupakan sahaja hasrat along tu,” tingkah uminya.

*(Silir Daksina, 2015, p. 120)*

Seterusnya, setelah *S3* hampir menemui jalan buntu, Haiqal meneruskan strateginya dengan menggunakan teknik pemujukan (*S4*). Teknik pemujukan tersebut dilakukan dengan kelembutan ketika berbicara (seperti nasihat Ratna dalam *S2*) dan meyakinkan umi dan walid

tentang niatnya untuk ke Johor. Meskipun pada ketika itu uminya kelihatan sangat marah, Haiqal tetap mengambil pendekatan memujuk dengan lemah lembut. Strategi yang keempat tersebut dinyatakan dalam petikan berikut:

“Tapi, umi ... along mesti ke sana juga. Banyak perkara yang perlu along ketahui. Along dah besar, umi,” tegas Haiqal.

“Apa lagi yang along nak selesaikan? Cakap dengan umi. Along mesti terima hakikat, ayah along sudah meninggal.”

“Memanglah ayah sudah meninggal, umi. Along tahu, ada sesuatu yang ditinggalkan buat along di sana. Selama ni, along tak kenal ayah along sendiri. Ayah meninggal sebab apa pun, along tak tahu. Bagi umi, semuanya rahsia. Apa dosa ayah, umi?”

“Kenapa along ni degil sangat? Umi tak izinkan along pergi ke sana. Faham!” suara uminya masih lagi berkeras.

*(Silir Daksina, 2015, p. 122)*

Walau bagaimanapun, S4 yang dilaksanakan oleh Haiqal juga tidak mendatangkan hasil. Uminya masih lagi berkeras untuk membenarkan Haiqal untuk pergi ke Johor. Oleh itu, strategi seterusnya yang telah diambil oleh Haiqal ialah menggunakan teknik imbas kembali (S5). Teknik tersebut dilakukan oleh Haiqal bagi memperkukuhkan strategi-strategi sebelumnya. Pengaplikasian terhadap strategi teknik imbas kembali memperlihatkan kebijaksanaan Haiqal memainkan emosi dan perasaan uminya. Peristiwa perancangan Haiqal dengan S5 adalah seperti berikut:

“Kalaupun along jadi seperti ayah, umi tidak ada hak untuk menafikan hakikat itu. Darah siapa yang mengalir dalam diri along kalau bukan darah ayah?” bentak Haiqal.

Uminya tersentak. Tidak diduga sama sekali Haiqal akan mengungkit persoalan seumpama itu. Teringat dia akan kata-kata Abdullah bin Kayan suatu ketika dahulu, selepas terjadi perpisahan itu.

“Awak jangan lupa, Rafiqah. Walau sejauh mana pun awal memisahkan saya dengan Haiqal, ingatlah satu perkara. Dalam diri anak kecil itu, ada darah saya yang mengalir. Suatu hakikat yang tidak akan mampu awak menolaknya sampai bila-bila.”

*(Silir Daksina, 2015, p. 123)*

“Ayah buat begitu ada sebab, umi. Ayah hanya ingin menunaikan tanggungjawab sebagai anak. Sebab itu dia mengambil keputusan untuk balik ke sana. Umi yang pentingkan diri sendiri. Sepatutnya umi belajar memahami ayah tetapi, umi biarkan ayah. Apabila ayah datang ke sini untuk menemui along, apa umi buat? Tidakkah umi sedar?”

“Dari mana along tahu semua ni? Siapa yang cakap dengan along?”

“Kenapa? Umi takut bila kesilapan umi akan terbongkar bukan! Bangkai gajah, tentu tak boleh ditutup dengan nyiru, umi.

(*Silir Daksina*, 2015, 124)

Berdasarkan petikan-petikan tersebut, strategi Haiqal *menggunakan teknik imbas kembali* (S5) didapati telah berjaya membuatkan ibunya rasa bersalah kerana telah menyembunyikan kebenaran bahawa ibunya cuba untuk memisahkan Haiqal daripada ayah kandungnya. Sementelahan, kejayaan S5 yang diterapkan oleh Haiqal adalah bertitik tolak daripada strategi menghayati manuskrip (S1) yang telah ditekuni pada peringkat awal perancangan. Hasil pembacaan terhadap manuskrip tersebut, Haiqal telah berjaya menimbulkan perasaan bersalah dalam diri ibunya, lantas menyebabkan ibunya membenarkan Haiqal untuk ke Batu Pahat, Johor meskipun terpaksa dan tidak direstui.

Berdasarkan Dimensi 3, Haiqal telah membuat kajian semula terhadap strategi-strategi yang telah dibentuk dan diaplikasikannya dalam Dimensi 2. Strategi yang dilaksanakan oleh Haiqal berjaya membuatkan ibunya rasa bersalah ketika pertengkaran mereka sehingga ibunya memberikan kebenaran secara terpaksa kepadanya untuk ke Johor. Berdasarkan Dimensi 4, Haiqal didapati telah memilih strategi menghayati manuskrip, mendapatkan pandangan dan nasihat daripada kawan baik, mendapatkan persetujuan umi dan walid, menggunakan teknik pemujukan dan teknik imbas kembali untuk pergi ke Johor bagi menjejak semula asal usul dan keperibadian ayah kandungnya. Menerusi Dimensi 5 pula, strategi-strategi yang diaplikasikan oleh Haiqal adalah berkesan kerana telah membantunya mencapai objektif.

## PP 2 – Peristiwa Perancangan Haiqal Menganjurkan Persembahan Tarian Zapin Jincat di Kampung Seri Purnama

Berdasarkan PP 2, tergambar kebijaksanaan Haiqal dalam membuat perancangan rapi untuk menghidupkan semula kumpulan zapin di kampung ayah kandungnya. Perancangan rapi yang dilaksanakan oleh Haiqal adalah seperti yang terkandung dalam Jadual 3 yang berikut:

Jadual 3: Perancangan Rapi dalam PP 2

Dimensi Perancangan	Peristiwa Perancangan
Dimensi 1: <b>Menetapkan Objektif</b>	Haiqal berniat untuk menghidupkan semula kegiatan kumpulan zapin di Kampung Seri Purnama setelah sekian lama tidak aktif selepas kematian ayah kandungnya.
Dimensi 2: <b>Membentuk Strategi</b>	<i>Mendapatkan pandangan dan bantuan nasihat</i> daripada Lazim, iaitu remaja kampung untuk mengadakan persembahan zapin jincat di balai raya. <i>Memberikan cadangan dan menyuarakan hasrat</i> kepada Pak Cik Bakar, Haji Salim dan Wak Arif untuk mengadakan persembahan zapin jincat di Kampung

	<p>Seri Purnama.</p> <p><i>Memberikan persetujuan</i> kepada Pak Cik Bakar untuk mendapatkan pandangan daripada ketua kampung. Hal ini kerana soal warisan dan kebudayaan di kampung tersebut terletak bawah tanggungjawab ketua kampung.</p> <p><i>Menghadiri mesyuarat JKKK</i> setelah mendapat undangan daripada ketua kampung. Kehadirannya adalah penting kerana Haiqal merupakan pencetus idea persembahan zapin jincat tersebut. Semua yang hadir telah bersetuju untuk diadakan persembahan zapin tersebut.</p> <p><i>Menyertai latihan intensif tarian zapin jincat</i> yang diadakan di balai raya pada setiap malam. Hal ini kerana tidak ramai anak muda yang mahu menyertai latihan tarian zapin tersebut.</p> <p>Kemalangan Lazim pada waktu petang sebelum malam persembahan telah menyebabkan ahli kumpulan zapin perlu mencari penari pengganti. Haiqal <i>menggunakan teknik pemujukan</i> untuk mengajak See Hwa menggantikan Lazim yang tercedera.</p>
<p>Dimensi 3: <b>Kajian Semula Strategi</b></p>	<p>Haiqal mendapati bahawa strategi mendapatkan pandangan daripada Lazim, memberikan cadangan, memberikan persetujuan, menghadiri mesyuarat JKKK, menyertai latihan intensif tarian zapin jincat dan teknik pemujukan yang diaplikasikannya telah berjaya merealisasikan niatnya untuk menganjurkan persembahan zapin jincat di hadapan tetamu jemputan dan penduduk-penduduk kampung.</p>
<p>Dimensi 4: <b>Memilih Strategi</b></p>	<p>S1 – Mendapatkan pandangan daripada Lazim.  S2 – Memberikan cadangan kepada penggerak utama kumpulan zapin D' Purnama (Pak Cik Bakar, Haji Salim dan Wak Arif).  S3 – Memberikan persetujuan kepada Pak Cik Bakar untuk berhubung dengan ketua kampung bagi mendapatkan persetujuan JKKK tentang penganjuran persembahan tersebut.  S4 – Menghadiri mesyuarat JKKK.  S5 – Menyertai latihan intensif tarian zapin jincat.  S6 – Menggunakan teknik pemujukan untuk mengajak See Hwa menjadi penari pengganti bagi Lazim yang telah cedera.</p>
<p>Dimensi 5: <b>Pencapaian Objektif</b></p>	<p>Haiqal berjaya mengadakan persembahan zapin jincat di balai raya. Sambutan daripada penduduk kampung</p>



---

adalah meriah. Umi, walid dan Nurul Asiyah turut hadir dari Terengganu untuk memberikan sokongan.

---

Jadual 3 menggambarkan lima dimensi perancangan yang telah ditekuni oleh Haiqal bagi mencapai objektifnya untuk mengadakan persembahan tarian zapin jincat di Kampung Seri Purnama. Berdasarkan Dimensi Pertama, Haiqal telah menetapkan objektifnya, iaitu berniat untuk menghidupkan semula kegiatan kumpulan zapin di Kampung Seri Purnama setelah sekian lama tidak aktif selepas kematian ayah kandungnya. Sebagai seseorang yang baru tiba di kampung tersebut, dia perlu membuat perancangan yang rapi dan teliti. Bagi mencapai objektif, Haiqal meneruskan perancangannya dengan Dimensi 2, iaitu membentuk strategi. Antara strategi yang telah dilaksanakan oleh Haiqal ialah (i) S1 - Mendapatkan pandangan dan bantuan nasihat daripada Lazim, (ii) S2 - Memberikan cadangan dan menyuarakan hasrat kepada penggerak utama kumpulan zapin D' Purnama (Pak Cik Bakar, Haji Salim dan Wak Arif), (iii) S3 - Memberikan persetujuan kepada Pak Cik Bakar untuk berhubung dengan ketua kampung bagi mendapatkan persetujuan JKKK tentang penganjuran persembahan tersebut, (iv) S4 - Menghadiri mesyuarat JKKK, (v) S5 - Menyertai latihan intensif tarian zapin jincat dan (vi) S6 - Menggunakan teknik pemujukan untuk mengajak See Hwa menjadi penari pengganti bagi Lazim yang telah cedera.

Bagi mencapai objektif, Haiqal telah membentuk strateginya. Strategi yang telah diambil oleh Haiqal adalah gabungan kerjasamanya dengan penduduk kampung. Oleh itu, strategi pertama yang telah dilaksanakan oleh Haiqal ialah *mendapatkan pandangan dan bantuan nasihat daripada Lazim (S1)*, iaitu remaja di Kampung Seri Purnama untuk mengadakan persembahan zapin jincat di balai raya. Tujuan Haiqal mendapatkan pandangan tersebut adalah kerana Lazim merupakan rakan sebaya baharu yang akrab dengannya ketika mula-mula sampai ke kampung tersebut. Tambahan pula, sebagai penduduk Kampung Seri Purnama, sudah tentu Lazim tahu tentang tatacara penganjuran sesuatu program dalam kampung. Peristiwa Haiqal mendapatkan pandangan daripada Haiqal dapat ditelusuri menerusi petikan berikut:

Haiqal pula mendiamkan diri. Fikirannya masih menerawang entah ke mana-mana. Sepasang matanya pula asyik memerhatikan See Hwa yang masih begitu asyik mengelap almari kaca itu.

“Kadang-kadang kita buat kerja gila juga, Zim. Tidak mengapalah, biarlah hal ini aku fikirkan dahulu. Kau boleh bantu aku, kan?” Haiqal bersuara semula setelah agak lama berdiam.

“Insya-Allah, Qal. Kalau kau bersungguh-sungguh, seelok-eloknya kau bincanglah dengan orang-orang tua di sini,” balas Lazim.

(*Silir Daksina*, 2015, p. 218 – 219)

Walau bagaimanapun, usaha Haiqal dalam *S1* hampir menemui kegagalan kerana Lazim tidak dapat membantu Haiqal mengadakan persembahan tersebut tanpa pengetahuan dan persetujuan daripada orang-orang tua di kampung. Namun begitu, Lazim telah memberikan cadangan kepada Haiqal untuk mengutarakan perkara tersebut kepada orang-orang tua di

kampung tersebut. Hal ini kerana sebagai seorang remaja yang tidak mempunyai jawatan di kampung, dia tidak berani untuk membuat keputusan tersendiri. Lantas, nasihat Lazim tersebut telah diambil maklum oleh Haiqal. Setelah itu, Haiqal mengatur strategi yang seterusnya, iaitu memberikan cadangan dan menyuarakan hasrat kepada penggerak utama Kumpulan Zapin D' Purnama, iaitu Pak Cik Bakar, Haji Salim dan Wak Arif (S2) untuk mengadakan persembahan zapin di balai raya. Haiqal yakin bahawa ketiga-tiga insan tersebut mampu membantunya kerana mereka merupakan kenalan rapat ayah kandungnya. S2 yang telah digarap oleh Haiqal adalah seperti berikut:

Sebaik sahaja dia mengajukan perkara itu, Pak Bakar terdiam sambil menyandarkan tubuhnya pada salah satu tiang warung Wak Min. Haji Salim dan Wak Arif yang turut berada di situ juga bungkam. Fikiran mereka entah berkeluyuran ke mana-mana. Haji Salim pula meletakkan kopiah yang dipakainya di atas meja.

“Saya hanya beri cadangan sahaja, Pak Cik Bakar, Haji Salim, Wak Arif. Saya tak paksa. Saya tahu, kerja ini bukannya mudah,” jelas Haiqal. Namun dalam hatinya, dia masih lagi mengharap, harapan yang tinggi.

*(Silir Daksina, 2015, p. 223)*

S2 yang telah dilaksanakan oleh Haiqal telah mendapat persetujuan daripada ketiga-tiga ahli Kumpulan Zapin D' Purnama. Walau bagaimanapun, usaha untuk mengadakan persembahan zapin bukanlah semudah yang disangka. Hal ini kerana, ketiga-tiga mereka juga perlu mendapatkan persetujuan daripada ketua kampung. Oleh itu, Pak Cik Bakar telah menawarkan diri untuk memohon persetujuan daripada ketua kampung. Sebagai orang baharu di kampung tersebut, Haiqal hanya dapat mencapai objektifnya dengan *memberikan persetujuan kepada Pak Cik Bakar (S3)* untuk berhubung dengan ketua kampung bagi mendapatkan sokongan daripada JKKK tentang penganjuran persembahan zapin tersebut. S3 merupakan satu-satunya cara Haiqal untuk mencapai objektifnya. Pengaplikasian S3 oleh Haiqal terdapat dalam petikan yang berikut:

“Beginilah, Haiqal. Biar pak cik bincang dahulu dengan ketua kampung kita ni. Ini soal warisan kebudayaan di sini. Tak boleh kita main terjah sahaja. Pak Cik memang bersetuju sangat dengan cadangan Haiqal itu. Kalau ketua kampung setuju, barulah kita atur tindakan yang seterusnya. Macam mana ... setuju?” Pak Cik Bakar yang sejak tadi hanya menguping mencelah.

“Kalau begitu kata Pak Cik Bakar, saya ikut sahaja. Mana yang baik.

Tambahan pula, dalam soal yang besar seperti ini apa gunanya kita tergesa-gesa jika hasilnya tidak seberapa.” Haiqal menerima pandangan Pak Cik Bakar dengan hati yang terbuka.

*(Silir Daksina, 2015, p. 223 – 224)*

Seterusnya, S3 yang diaplikasikan oleh Haiqal telah berjaya mendapat persetujuan daripada ketua kampung. Namun, perkara tersebut perlu dibawa ke meja perbincangan

Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK). Oleh itu, bagi memperlihatkan kesungguhan mencapai objektif, Haiqal telah menyusun strategi yang seterusnya, iaitu menghadiri mesyuarat JKKK (S4) setelah mendapat undangan daripada ketua kampung. Kehadirannya adalah penting kerana Haiqal merupakan pencetus idea persembahan zapin jincat tersebut. Hasil daripada mesyuarat tersebut, semua yang hadir telah sebulat suara untuk mengadakan persembahan tarian zapin tersebut dan membuat pembahagian tugas. Peristiwa perancangan Haiqal mengaplikasikan S4 adalah seperti yang berikut:

“Begini, pak cik datang ni nak undang kamu ke mesyuarat tentang zapin di balai raya malam ini. Haji Jamil yang menyuruh pak cik mengundang kamu,” terang Pak Cik Bakar.

“Malam ni? Pukul berapa?”

“Macam biasalah, selepas solat isyak. Jangan pula kamu tak datang nanti. Haji Jamil memang mengharapkan kedatangan kamu. Ajak juga Tauke Ong dan See Hwa sekali,” tambah Pak Cik Bakar.

“Baiklah, Pak Cik Bakar. Nanti saya juga akan maklumkan kepada Tauke Ong dan See Hwa.”

*(Silir Daksina, 2015, p. 234 – 236)*

Setelah Haiqal menghadiri mesyuarat JKKK (S4) dan mendapat persetujuan daripada JKKK timbul pula permasalahan utama, iaitu kekurangan penari. Kekurangan penari terjadi kerana kebanyakan penari senior kumpulan zapin sudah berusia dan sudah kurang bertenaga untuk menari. Oleh itu, bagi mengatasi masalah utama tersebut, Haiqal telah mengatur strateginya yang kelima, iaitu menyertai latihan intensif tarian zapin jincat (S5). Meskipun berasa bimbang pada awalnya untuk menari kerana tidak mempunyai pengalaman menari tarian zapin, Haiqal tetap memperlihatkan kesungguhannya menyertai latihan intensif tersebut agar dirinya mampu mempersembahkan tarian zapin dengan baik. Peristiwa S5 terkandung dalam petikan berikut:

“Anak-anak muda sekarang ni dah tak minat lagi dengan tarian zapin ini, Bakar. Tengoklah, dah beberapa malam kita berlatih di sini, yang datang tengok pun yang dah senja macam kita ni,” sampuk Wak Arif..

“Malulah saya. Saya betul-betul tak tahu ni,” Haiqal cuba menolak.

“Tak apa, Haiqal. Dah namanya belajar, tentu ada silapnya. Kami dulu pun macam kamu juga. Tapi kami terus belajar,” kata Haji Salim untuk meyakinkan Haiqal.

Dia akur apabila Pak Cik Bakar, Haji Selamat, Wak Parmin, Abang Ramlan, dan Wak Seman bersungguh-sungguh mahu mengajarnya. Jika dia terus berkeras untuk menolak, bimbang mereka akan berkecil hati pula. Apatah lagi, dia juga yang mencadangkan agar diadakan persembahan tarian zapin itu.

*(Silir Daksina, 2015, p. 247 – 249)*

Usaha Haiqal untuk menjayakan objektifnya hampir menemui kejayaan apabila dirinya telah berjaya menguasai gerak tarian zapin jincat yang telah diajarkan oleh Pak Cik Bakar dan ahli kumpulan zapin senior yang lain. Walau bagaimanapun, sebuah kemalangan telah menimpa Lazim sehingga menyebabkan Lazim tidak dapat menyertai persembahan zapin tersebut. Oleh itu, bagi mengatasi masalah tersebut, ahli kumpulan zapin telah meminta Haiqal untuk mengajak See Hwa untuk menjadi penari bagi menggantikan Lazim. Oleh hal yang demikian, bagi mengajak See Hwa untuk menggantikan Lazim sebagai penari, maka Haiqal telah menggunakan teknik pemujukan (S6). Pada awalnya, See Hwa menolak ajakan Haiqal, namun disebabkan keberkesanan teknik pemujukan tersebut, See Hwa mula berkeyakinan. Teknik pemujukan tersebut ialah mengajak See Hwa untuk menari bukan semata-mata sebagai penari pengganti, tetapi menari demi arwah ayah Haiqal dan penduduk kampung. Hasil daripada pemujukan tersebut, akhirnya See Hwa telah bersetuju untuk menggantikan Lazim. Peristiwa Haiqal memujuk See Hwa adalah seperti yang berikut:

“See Hwa, kamu mesti menari bersama saya malam ini untuk menggantikan tempat Lazim. Boleh?” Ada keberanian yang tiba-tiba melonjak dalam dirinya.

“Tapi ...”

“Tidak ada tapi-tapi lagi untuk malam ini. Tidak mengapalah jika kamu tidak mahu menari untuk saya, tetapi marilah dengan saya untuk ayah saya dan tetamu-tetamu kita pada malam ini, See Hwa. Saya benar-benar mengharapkan kamu.”

“Gadis manis itu menyatakan persetujuannya untuk menari zapin bersama-sama Haiqal bagi menggantikan tempat Lazim. Pada malam itu, persembahan zapin D’ Purnama berjalan baik dan lancar.

*(Silir Daksina, 2015, p. 270)*

Akhirnya, setelah melaksanakan S6 tersebut, maka objektif Haiqal untuk menganjurkan persembahan tarian zapin jincat telah berjalan lancar dan baik. Berdasarkan Dimensi 3, pengkajian semula terhadap strategi-strategi dalam Dimensi 2 telah berjaya membantu Haiqal mencapai objektifnya. Dalam strategi-strategi yang telah diaplikasikannya, secara tidak langsung memperlihatkan kesungguhan Haiqal berusaha baik-baiknya untuk menjayakan malam persembahan tersebut. Dirinya juga sanggup mempelajari tarian zapin yang sememangnya gerak tarian tersebut adalah asing bagi dirinya. Berpandukan Dimensi 4, Haiqal didapati telah memilih enam strategi untuk menjayakan objektifnya, iaitu mendapatkan pandangan dan bantuan, memberikan cadangan dan menyuarakan hasrat, memberikan persetujuan, menghadiri mesyuarat JKKK, menyertai latihan intensif tarian zapin jincat dan menggunakan teknik pemujukan. Menerusi Dimensi 5, strategi-strategi yang diaplikasikan oleh Haiqal adalah berkesan kerana telah membantunya mencapai objektif. Haiqal telah berjaya mengadakan persembahan zapin jincat di balai raya dan berjaya mendapat sambutan yang meriah daripada penduduk kampung dan Ahli Dewan Undangan Negeri. Di samping itu umi, walid dan Nurul Asiyah turut hadir dari Terengganu untuk memberikan sokongan kepadanya.

### **PP3 - Peristiwa Perancangan Tauke Lim (Tauke Ong) Mencari Nafkah ketika Memulakan Hidup Baharu di Johor**

PP3 memperlihatkan kemampuan watak sampingan, iaitu Tauke Ong atau Tauke Lim (nama dalam manuskrip ayah Haiqal) bagi membuat perancangan rapi bagi mencari nafkah ketika memulakan hidup baharu. Setelah perniagaan bapanya muflis akibat sifat abangnya yang kuat berjudi, Tauke Lim menggumpal tekad untuk memulakan hidup di Johor. Dia telah berpindah dari Perak untuk memulakan kehidupan baharu bersama-sama keluarganya. Perancangan rapi yang dilaksanakan oleh Tauke Lim dipaparkan menerusi Jadual 4 yang berikut:

Jadual 4: Perancangan Rapi dalam PP 3

<b>Dimensi Perancangan</b>	<b>Peristiwa Perancangan</b>
Dimensi 1: <b>Menetapkan Objektif</b>	Tauke Lim bertekad untuk berpindah ke Johor bagi memulakan kehidupan baharu meskipun tidak mempunyai status kewangan yang stabil.
Dimensi 2: <b>Membentuk Strategi</b>	<p><i>Mengambil upah menoreh</i> di kebun getah milik Kayan, iaitu datuk kepada Haiqal.</p> <p><i>Membina kepercayaan dan hubungan baik</i> dengan keluarga Kayan dan penduduk kampung. Dia selalu berkunjung ke rumah Kayan bersama-sama isteri dan anak-anaknya untuk membawa buah tangan. Tauke Lim juga sering membantu dalam aktiviti JKKK Seri Purnama.</p> <p><i>Mencari pendapatan sampingan</i> dengan menjual hasil-hasil kampung seperti buah pinang, biji kopi, pisang dan getah sekerap.</p> <p><i>Menjaga dan membersihkan kebun getah</i> milik keluarga Kayan. Bahkan setelah Kayan dan Abdullah (ayah Haiqal) meninggal dunia, Tauke Lim masih lagi menjaga kebun tersebut.</p> <p><i>Menguruskan perniagaan kelapa sawit</i> milik keluarga Kayan setelah Kayan dan Abdullah meninggal dunia. Dia menjaga amanah yang dititipkan oleh kedua-duanya dengan baik sekali.</p>
Dimensi 3: <b>Kajian Semula Strategi</b>	Tauke Lim berpendapat bahawa strategi-strategi seperti mengambil upah menoreh, membina kepercayaan dan hubungan baik, menambah pendapatan sampingan dan menjaga serta membersihkan kebun getah yang diaplikasikannya telah berjaya menjadikannya seorang peniaga yang berjaya.

Dimensi 4: <b>Memilih Strategi</b>	S1 – Mengambil upah menoreh di kebun getah milik Kayan. S2 – Membina kepercayaan dan hubungan yang baik dengan keluarga Kayan. S3 – Mencari pendapatan sampingan dengan menjual hasil-hasil kampung. S4 – Menjaga dan membersihkan kebun getah milik keluarga Kayan. S5 – Menguruskan perniagaan kelapa sawit milik keluarga Kayan.
Dimensi 5: <b>Pencapaian Objektif</b>	Berkat kesungguhannya, Tauke Lim telah menjadi peniaga yang berjaya dan mampu membeli tanah untuk didirikan rumah.

Berdasarkan Dimensi 1, Tauke Lim telah menetapkan objektifnya untuk berpindah ke Johor bagi memulakan kehidupan baharu. Walau bagaimanapun, kehidupannya di Johor agak susah kerana tidak mempunyai sumber pendapatan bagi menyara keluarga. Lantaran itu, berdasarkan Dimensi 2, Tauke Lim telah membentuk beberapa strategi untuk mengubah nasib hidup keluarganya di tempat baharu. Antara strategi-strategi yang dilaksanakan oleh Tauke Lim ialah (i) S1 - Mengambil upah menoreh di kebun getah milik Kayan, (ii) S2 - Membina kepercayaan dan hubungan baik dengan keluarga Kayan dan penduduk kampung, (iii) S3 - Mencari pendapatan sampingan, (iv) S4 - Menjaga dan membersihkan kebun getah milik Kayan dan (v) S5 - Menguruskan perniagaan kelapa sawit milik Kayan.

Pertama, strategi yang dibentuk oleh Tauke Lim ialah *mengambil upah menoreh di kebun getah milik Kayan, iaitu datuk kepada Haiqal (S1)*. Strategi tersebut adalah kaedah yang terbaik untuk menyara kehidupannya sekeluarga. Tambahan pula, sebelum berhijrah ke Johor, Tauke Lim mempunyai pengalaman dalam menguruskan perniagaan kebun getah milik ayahnya. Namun begitu, disebabkan sifat abangnya yang suka berjudi, tanah kebun getah milik bapanya telah digadaikan. Peristiwa perancangan Tauke Lim melaksanakan *S1* digambarkan melalui perbualan Kayan dan isterinya seperti berikut:

“Cina tu datang tadi nak ambil upah menoreh di kebun getah kita tu. Daripada terbiar semak, elok juga diupahkan,” kata ayah kepada emak.  
“Bahagi dua?” tanya emak.  
Ayah mengangguk. Kemudian ayah menyedut rokok daunnya dalam-dalam. “Dia baru datang dari Ipoh bersama anak bininya. Mengadu nasib di sini,” jelas ayah.

(*Silir Daksina*, 2015, p. 26)

Selanjutnya, setelah *S1* yang diterapkan telah berjaya, maka Tauke Lim pula mengorak langkah dengan mengatur strateginya yang kedua, iaitu membina kepercayaan dan hubungan baik dengan keluarga Kayan dan penduduk kampung (S2). Strategi tersebut diaplikasikan kerana sebagai seseorang yang berpindah ke sesuatu tempat baharu, hubungan yang baik dengan masyarakat setempat adalah penting supaya kehadiran Tauke Lim dan sekeluarga diterima baik

oleh penduduk kampung. Strategi tersebut juga dilaksanakan supaya mudah untuknya berkomunikasi dengan masyarakat setempat. Peristiwa Tauke Lim mengaplikasikan S2 dipaparkan menerusi petikan-petikan berikut, iaitu:

Sejak menoreh di kebun getah itulah saban hari hubungan ayah dan Tauke Lim bertambah akrab. Jika ada masa lapang, dia akan membawa isteri dan anak lelakinya yang berusia kira-kira dua tahun ke rumahku untuk minum petang. Selalunya dia tidak lupa untuk membawa buah tangan.

*(Silir Daksina, 2015, p. 26)*

Ternyata Tauke Lim betah tinggal di desa ini. Bagaimana tidak? Dia dan keluarganya pandai menyesuaikan diri serta ringan tulang. Jika ada majlis keramaian seperti kenduri kahwin, dia akan turut rewang. Malah tidak lupa untuk menyumbang bahan-bahan seperti gula dan beras. Pendek kata, hidupnya sekeluarga macam orang Melayu juga.

*(Silir Daksina, 2015, p. 29)*

Berikutnya, setelah membina kepercayaan dan hubungan baik (S2), Tauke Lim meneruskan strateginya untuk mengubah nasib keluarganya dengan pelaksanaan S3, iaitu mencari pendapatan sampingan. Strategi tersebut dilakukan dengan menjual hasil-hasil kampung seperti buah pinang, biji kopi, pisang dan getah sekerap. Sementelahan, strategi tersebut dilakukan kerana upah menoreh juga tidak menjamin pulangan yang banyak disebabkan sering berlaku turun naik harga getah. Oleh itu, Tauke Lim memperkukuhkan S1 yang telah diaplikasikannya dengan pelaksanaan S3. Kegigihan Tauke Lim mencari pendapatan sampingan terkandung dalam petikan berikut:

Tauke Lim memang rajin. Pada sebelah pagi, dia dan isterinya akan menoreh getah. Pada sebelah petangnya pula, Tauke Lim akan meronda dengan motosikalnya untuk meraih hasil-hasil kampung seperti buah pinang, biji kopi, pisang, getah beku atau getah sekerap. Di bahagian tempat duduk belakang motosikal itu diletakkan satu tong besar untuk mengangkut hasil mahsul yang diraihnya. Kemudian, dia akan menjualnya di pekan.

*(Silir Daksina, 2015, p. 28)*

Seterusnya, S3 yang telah diaplikasikan oleh Tauke Lim sememangnya mampu membantu menambah pendapatannya sebagai seorang penoreh getah. Tauke Lim terus berusaha gigih untuk mencari rezeki bagi mengubah kehidupannya dan sekeluarga. Kejayaannya mencari nafkah adalah berkat bantuan daripada penduduk kampung, terutamanya Kayan. Tauke Lim banyak berhutang budi dengan Kayan dan sekeluarga. Oleh itu, bagi membalas jasa Kayan, Tauke Lim menjaga dan membersihkan kebun getah milik keluarga Kayan (S4). Strategi tersebut adalah satu daripada usaha Tauke Lim untuk memperkukuhkan S2. Peristiwa Tauke Lim

*menjaga dan membersihkan kebun getah milik keluarga Kayan (S4) digambarkan melalui petikan berikut:*

Jika tidak menoreh pula, Tauke Lim akan membersihkan kebun getah ayah. Sebab itulah kebun getah ayah sentiasa kelihatan terang. Tauke Lim menganggap kebun itu seperti kebunnya sendiri.

*(Silir Daksina, 2015, p. 29)*

Setelah mengukuhkan S2 dengan pelaksanaan S4, Tauke Lim meneruskan strateginya untuk mencari nafkah demi mengubah taraf ekonomi keluarganya. Tauke Lim diberikan kepercayaan untuk menguruskan perniagaan kelapa sawit milik keluarga Kayan (S5). Peristiwa tersebut berlaku setelah kematian Kayan. Apabila Abdullah mendapat harta warisan pusaka kelapa sawit milik ayahnya, iaitu Kayan, Tauke Lim telah diberikan kepercayaan untuk menguruskan perniagaan kelapa sawit (S5). Pada ketika itu, Abdullah tidak mampu untuk menguruskan perniagaan tersebut atas faktor kesibukan bekerja sebagai guru. Kepercayaan yang diperoleh Tauke Lim sememangnya berkaitan dengan kejayaan pelaksanaan S2 dan S4 yang telah diaplikasikannya sebelum ini. Di samping itu, kepercayaan yang diperoleh Tauke Lim berterusan selepas kematian Abdullah kerana barah. Sebelum meninggal dunia, Abdullah mengamanahkan kepada Tauke Lim untuk menguruskan perniagaan kelapa sawit tersebut dan sebahagian wang hasil jualan perlu disimpan untuk kegunaan Haiqal ketika dewasa. Bukti Tauke Lim telah menguruskan perniagaan kelapa sawit tersebut diceritakan dalam tiga petikan berikut:

Tauke Ong (Tauke Lim) banyak membantunya, terutama tentang duit simpanan arwah ayahnya dan segala hasil jualan kelapa sawit yang telah disimpannya untuk suatu tempoh yang agak lama. Kini, semuanya diserahkan kepadanya.

“Tak apa, Haiqal. Pak cik faham. Ini amanah arwah sebelum dia meninggal dulu. Sekarang kamu sudah ada di sini, lebih baik pak cik serahkannya kepada kamu. Selepas ini, kamu uruskanlah dengan baik. Kalau ada apa-apa masalah, pak cik sedia membantu,” ujar Tauke Ong.

*(Silir Daksina, 2015, p. 190 - 191)*

“Nanti kalau Haiqal sambung belajar, pak cik akan tolong urus kebun-kebun tu lagi. Kalau ada masa, Haiqal jumpalah dengan Bidin dan Salleh. Merekalah yang mengambil upah memotong buah-buah kelapa sawit di kebun tu. Kalau petang, ada di warung Wak Min,” ujar Tauke Ong.

*(Silir Daksina, 2015, 190 - 191)*



“Dulu Tauke Ong lah yang buat semua kerja di kebun ni. Tetapi apabila perniagaannya sudah semakin maju, dia upahkan pula kepada kami,” kata Abang Salleh pula.

*(Silir Daksina, 2015, 190 - 191)*

Petikan-petikan tersebut telah membuktikan bahawa Tauke Lim mengaplikasikan S5 bukan sekadar untuk memenuhi amanah Abdullah, tetapi juga sebagai satu daripada usahanya mencari nafkah untuk keluarganya. Berdasarkan Dimensi 3 yang terkandung dalam Jadual 4, Tauke Lim berpendapat bahawa strategi-strategi seperti mengambil upah menoreh, membina kepercayaan dan hubungan baik, menambah pendapatan sampingan dan menjaga serta membersihkan kebun getah yang diaplikasikannya mampu mengubah nasib keluarganya. Strategi-strategi yang dipilih oleh Tauke Lim telah dinyatakan secara terperinci dalam Dimensi 4. Antara strategi yang dipilih oleh Tauke Lim ialah mengambil upah menoreh, membina kepercayaan dan hubungan yang baik, mencari pendapatan sampingan, menjaga dan membersihkan kebun getah milik keluarga Kayan dan menguruskan perniagaan kelapa sawit milik keluarga Kayan. Akhirnya, berdasarkan Dimensi 5, hasil daripada pemilihan strategi tersebut, maka Tauke Lim telah berjaya mencapai objektifnya membantu mencari nafkah keluarga. Kejayaannya mencari nafkah untuk keluarga terbukti apabila mampu membeli tanah untuk mendirikan rumah, menghantar anaknya belajar di kolej swasta dan mampu mengupah pekerja di ladang sawit.

## **Perbincangan dan Kesimpulan**

Pengaplikasian Model Dimensi Perancangan Sara Beden (2018) berpandukan Prinsip Perancangan yang telah dikemukakan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013) terhadap teks kajian telah memperlihatkan kecenderungan yang tinggi terhadap pengaplikasian dimensi perancangan oleh watak-watak dalam pencapaian objektif. Berpandukan PP1, PP2 dan PP3, watak-watak yang terlibat, iaitu Haiqal Hakimi dan Tauke Lim telah berupaya untuk mencapai objektif dengan pengaplikasian strategi penyelesaian masalah yang berkesan dan teratur. Kekritisan dan ketertinggian daya fikir watak-watak tersebut menyelesaikan masalah dengan kepelbagaian strategi yang teratur dan rapi membuktikan bahawa wujudnya aras pemikiran dan penyelesaian masalah yang tinggi oleh watak. Oleh itu, berpandukan peristiwa-peristiwa perancangan yang dianalisis, ditemukan sebanyak 16 strategi perancangan rapi yang membawa kepada keberhasilan pencapaian objektif. Strategi perancangan rapi tersebut disenaraikan dalam jadual berikut:

Jadual 5: Strategi Perancangan Rapi yang Diaplikasikan oleh Watak

<b>No.</b>	<b>Peristiwa Perancangan (PP)</b>	<b>Strategi Perancangan Rapi</b>
1.		Menghayati manuskrip.
2.	PP1	Mendapatkan pandangan dan nasihat.
3.		Mendapatkan persetujuan.

4.		Menggunakan teknik pemujukan.
5.		Menggunakan teknik imbas kembali.
6.		Mendapatkan pandangan.
7.		Memberikan cadangan.
8.	PP2	Memberikan persetujuan.
9.		Menghadiri mesyuarat.
10.		Menyertai latihan intensif.
11.		Menggunakan teknik pemujukan.
12.		Mengambil upah.
13.		Membina kepercayaan dan hubungan yang baik.
14.	PP3	Mencari pendapatan sampingan.
15.		Menjaga dan membersihkan kebun getah.
16.		Menguruskan perniagaan.

Berdasarkan Jadual 5, semua strategi perancangan rapi yang diaplikasikan oleh watak-watak dalam novel adalah berkaitan kerana saling menyokong untuk pencapaian objektif. Jika strategi-strategi tersebut dilaksanakan tanpa mengikut urutan atau digugurkan, maka berkemungkinan besar objektif tidak dapat dicapai dengan sepenuhnya. Berpandukan perancangan-perancangan rapi tersebut, strategi mendapatkan pandangan dan strategi menggunakan teknik pemujukan adalah yang paling dominan digunakan oleh watak bagi mencapai objektif. Hal ini membuktikan bahawa perancangan yang rapi memerlukan keupayaan seseorang untuk bertindak secara rasional dan berhati-hati ketika membuat keputusan.

Kesimpulannya, pengaplikasian Model Dimensi Perancangan bagi menganalisis peristiwa perancangan yang terdapat dalam novel *Silir Daksina* (2015) adalah relevan dan signifikan. Kajian ini diharapkan dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat, terutamanya para remaja untuk mengamalkan strategi perancangan rapi dalam penyelesaian masalah. Hal ini kerana amalan mempraktikkan perancangan yang rapi dan sistematik adalah penting bagi meningkatkan kredibiliti, kemampuan dan memperkasakan kecekapan seseorang individu bagi berhadapan dengan tuntutan zaman sekarang yang menuntut ketinggian aras kemahiran dan daya fikir yang tinggi seiring dengan arus pemodenan.

## Rujukan

Akhmal Hakim Mohamad. (2019). Perancangan dalam novel *Mengukir Larut* berdasarkan Pendekatan Pengurusan. *Malay Literature*, 32(1), 71-92. [https://doi.org/https://doi.org/10.37052/ml.32\(1\)no4](https://doi.org/https://doi.org/10.37052/ml.32(1)no4).

- Azman Che Omar. (2003). *Pengurusan di Malaysia dari perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harold Koontz, & Heinz Weihrich. (1997). *Pengurusan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jaafar Muhamad. (1999). *Asas pengurusan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2013, Oktober 4-5). *Pendekatan pengurusan: Satu metode dalam kritikan sastera* [Paper Presentation]. Himpunan Ilmuwan Sastera Melayu Malaysia Kedua, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak, Malaysia.
- Mohamad Zuber Ismail, & Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2016). Dimensi perancangan dalam Hikayat Malim Dewa: Kajian pendekatan pengurusan. *Journal of Malay Studies (JOMAS)*, 27(1), 25-44. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9714>.
- Mohamad Zuber Ismail, Mohamad Mokhtar Abu Hassan, & Sara Beden. (2015). Keintelektualan pemikiran Melayu dalam cerita lipur lara: Satu penemuan awal berdasarkan perspektif Pendekatan Pengurusan *Journal of Business and Social Development*, 3(1), 1-16. Retrieved from <http://irep.iium.edu.my/49808/>.
- Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden, & Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2014, May 14-16). Prinsip perancangan: Penelitian berdasarkan cerita-cerita rakyat [Paper Presentation]. International Conference in Commemoration of the 50th Anniversary of the Department of Malay-Indonesian Studies, Hankuk University of Foreign Studies, Seoul, Korea.
- Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden, & Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2015). *Hikayat Awang Sulung Merah Muda* dari perspektif pendekatan pengurusan. *Journal of Malay Studies (JOMAS)*, 26(1), 95-116. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9697/6844>.
- Nizar Parman. (2015). *Novel KOMSAS: Silir Daksina*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Sukatan pelajaran kesusasteraan Melayu*. Kementerian Pendidikan Malaysia. Retrieved from <https://adoc.pub/queue/kesusasteraan-melayu.html>
- Sara Beden. (2018). Perancangan bestari dalam *Hikayat Khoja Maimun*: Aplikasi Prinsip Perancangan dalam Pendekatan Pengurusan. *Malay Literature*, 31(1), 69-97. [https://doi.org/10.37052/ml.31\(1\)no4](https://doi.org/10.37052/ml.31(1)no4).

Saravanan P. Veeramuthu. (2019). Kepemimpinan dalam novel *Perang Sangkil*: Satu bacaan Pendekatan Pengurusan. *Asian People Journal (APJ)*, 2(1), 169-182. <https://journal.unisza.edu.my/apj/index.php/apj/article/view/45>.